

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN AHMAD FAHMI FADZIL  
[ LEMBAH PANTAI ]**

**TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN AHMAD FAHMI FADZIL [ LEMBAH PANTAI ]** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan adakah sebuah Majlis Media Malaysia akan ditubuhkan, dan jika tidak, apakah sebab-sebab yang menghalang majlis ini dari ditubuhkan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia telah pun menerima laporan *pro-tem committee* Majlis Media Malaysia (MMM) berkaitan Penubuhan Majlis Media Malaysia termasuk cadangan draf Rang Undang-Undang (RUU) pada 3 Ogos 2020 yang lalu. Kementerian ini juga mendapati bahawa *pro-tem committee* telah melaksanakan inisiatif sendiri dengan memuat naik dokumen-dokumen tersebut dalam laman sesawang majlismedia.my / mediacouncil.my untuk mendapatkan maklum balas daripada orang awam berhubung draf RUU MMM tersebut.

Kementerian ini telah membuat penelitian awal terhadap Draf RUU MMM yang telah diterima serta mengedarkannya kepada bahagian serta jabatan yang berkaitan di bawah Kementerian ini untuk mendapatkan maklum balas awal yang sewajarnya. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa perkara di dalam draf RUU tersebut yang memerlukan penjelasan tambahan daripada *pro-tem committee*. Justeru, kesemua persoalan tersebut telah diajukan kepada *pro-tem committee* pada 21 Oktober 2020 bagi mendapatkan penjelasan tambahan seterusnya membolehkan penelitian lebih lanjut dibuat terhadap draf RUU tersebut dan tindakan susulan sewajarnya.